

Langkawi jadi destinasi selamat

Ⓟ UM - 8 JUN 1993

LANGKAWI 7 Jun — Perdana Menteri Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, kerajaan mahu melihat Pulau Langkawi bukan sahaja menjadi destinasi pelancongan yang terkenal di rantau ini tetapi juga sebagai tempat yang paling selamat untuk dikunjungi.

Kata beliau, jaminan keselamatan itu adalah antara faktor untuk menarik para pelancong ke Pulau Langkawi supaya mereka dapat bergerak bebas tanpa risau tentang keselamatan diri dan harta benda.

Menurut Perdana Menteri, sekiranya kerjasama antara Malaysia Indonesia dan Thailand untuk mewujudkan kawasan pembangunan tiga segi utara terlaksana, Langkawi dijangka menjadi satu daripada destinasi pelancongan yang popular seperti Pulau Phuket dan Danau Toba.

“Dalam hubungan ini kita harus mengekalkan keharmonian yang sedia wujud supaya pulau ini terkenal sebagai tempat pelancongan yang paling selamat di rantau ini,” katanya ketika berucap merasmikan bangunan baru Ibu Pejabat Polis daerah Langkawi berhampiran pekan Kuah di sini hari ini.

Tertumpu

Hadir sama di majlis perasmian bangunan berharga RM28.3 juta itu ialah Menteri Besar Tan Sri Osman Aroff, Menteri Pertanian Dato' Sri Sanusi Junid, Timbalan Menteri Dalam Negeri Dato' Megat Junid Megat Ayub, Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Mohd. Noor serta pegawai-pegawai tinggi polis.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Dalam Negeri menjelaskan jaminan ke-

selamatan para pelancong bukan sahaja tertumpu di pulau ini tetapi juga meliputi sekitar perairan di mana aktiviti laut seperti menyelam, memancing dan berkelah dijalankan.

Kata beliau lagi, keadaan aman yang wujud di pulau ini adalah hasil kecekapan pihak polis dalam mentadbir kawalan keselamatan termasuk mencegah jenayah melibatkan harta benda penduduk tempatan, pelancong asing dan para pelabur.

Katanya, pegawai polis sentiasa mengawasi sebarang kegiatan jenayah termasuk aktiviti menyeludup dan pencerobohan di kawasan perairan negara dari ancaman orang asing.

Dalam hubungan ini juga kata Perdana Menteri, pihak polis yang menjaga keamanan dan keselamatan negara perlu diberi perhatian dengan menye-

diakan peralatan yang mencukupi, tempat bertugas serta penginapan yang lebih selesa supaya prestasi kerja mereka tidak terjejas.

“Kerajaan sentiasa peka dengan keperluan dan kebajikan pegawai dan anggota polis supaya mereka dapat meningkatkan mutu perkhidmatan ke tahap maksimum,” katanya.

Perdana Menteri juga memberitahu dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6) kerajaan telah memperuntukkan RM5 juta untuk melaksanakan projek pangkalan polis marin di Bukit Malut di sini untuk memastikan keselamatan perairan terkawal sejajar dengan pembangunan pesat Langkawi dalam industri pelancongan pada masa akan datang.

Beliau berharap jabatan polis akan meningkatkan lagi tahap profesiona-

lisme di kalangan pegawai dan anggotanya untuk menghadapi cabaran pada masa depan.

Kemahiran

Oleh yang demikian, katanya, pegawai dan anggota polis harus diberi latihan di segi ilmu dan kemahiran bukan sahaja dalam aspek kawalan keselamatan tetapi juga pengetahuan sampingan untuk bertindak terhadap

kes-kes kecemasan seperti pencemaran laut dan kebakaran kapal.

Sementara itu katanya, kerajaan yakin kemampuan pihak polis untuk memberi kawalan keselamatan terhadap para delegasi dan harta benda semasa Pamiran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA) 1993 pada Disember ini.

Bercakap kepada pemberita kemudiannya, Per-

dana Menteri berkata, kerajaan memang mempunyai banyak rancangan untuk menyediakan kemudahan kepada anggota polis tetapi pelaksanaan tidak boleh dijalankan serentak di seluruh negara.

Menurut beliau, kerajaan bagaimanapun akan memberi keutamaan kepada pihak polis melengkapkan kemudahan dan peralatan canggih mengikut kemampuan.